



KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

STATUS KUALITI UDARA
16 SEPTEMBER 2015 (RABU)

Bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam **12.00 tengahari** menunjukkan 9 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 31 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan **12 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap tidak sihat**. Kawasan yang mencatatkan bacaan IPU tertinggi setakat ini adalah di Sri Aman, Sarawak (161), diikuti dengan Kuching, Sarawak (147) dan Sarikei, Sarawak (144). Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' atau 'App Store'.

Status kualiti udara bertambah baik pada tengahari ini dengan penurunan bacaan IPU di kebanyakan kawasan dan pengurangan jumlah kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat berbanding sebanyak 34 kawasan pada semalam, 15 September 2015. Punca kejadian jerebu masih disebabkan oleh jerebu merentas sempadan berikutan angin Monsun Barat Daya yang membawa pencemaran asap jerebu sederhana dan tebal dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di kawasan tengah dan selatan Sumatera serta di Kalimantan Barat, Tengah dan Timur, Indonesia.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 15 September 2015, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 18 mengesan sebanyak 4 titik panas (hotspot) di Sumatera, Indonesia dan sebanyak 231 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan, Indonesia. Bilangan titik panas (hotspot) di Sumatera dan Kalimantan tidak dapat dikesan sepenuhnya berikutan terdapat litupan awan. Sementara itu, tiada titik panas (hotspot) dikesan dalam negara pada 15 September 2015. Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh *ASMC* pada 15 September 2015 adalah seperti di **Rajah 1**.

Jabatan Alam Sekitar (JAS), NRE berterusan memantau rapi bacaan IPU di seluruh negara melalui 52 stesen pengawasan kualiti udaranya. Mekanisme tindak balas (*response mechanism*) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan** di mana tindakan-tindakan telah diambil oleh agensi yang terlibat iaitu:-

- (i) Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menggerakkan Jawatankuasa Menangani Keadaan Jerebu pada 15 September 2015;
- (ii) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan penutupan semua sekolah di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka pada 15 September 2015 berikutan bacaan IPU yang menghampiri 200 ; dan
- (iii) Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menjalankan operasi pembenihan awan pada 15 hingga 17 September 2015 sebagai tindakan untuk mengurangkan kesan jerebu. Bagi Semenanjung Malaysia, operasi pembenihan awan dijalankan bermula semalam di sekitar kawasan selatan Perak, barat Pahang, Lembah Kelang dan Negeri Sembilan. Operasi berjaya menghasilkan hujan di kawasan sempadan negeri Selangor dan Pahang, kawasan selatan Perak dan juga beberapa kawasan di Lembah Klang. Walau bagaimanapun, operasi di negeri Sarawak bagi bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Sarikei ditangguhkan semalam kerana tiada awan yang sesuai.

Keadaan jerebu dijangka berkurangan dengan berakhirnya musim Monsun Barat Daya pada pertengahan bulan September 2015 dan diikuti dengan Musim Peralihan Monsun sehingga awal November 2015. Semasa musim Peralihan Monsun, negara akan mengalami keadaan yang lebih lembap berbanding sekarang terutamanya di negeri-negeri pantai Barat Semenanjung dan barat Sabah dan berlaku perubahan arah angin.


Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**. Semasa keadaan berjerebu, orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan mendapatkan nasihat kesihatan dengan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di alamat <http://www.infosihat.gov.my>.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

16 September 2015

PETA JEREBU SERANTAU, 15 SEPTEMBER 2015

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



Regional Haze Update

Hotspot activities in Sumatra could not be fully determined today due to partial satellite pass and cloud cover. Moderate to dense smoke haze was observed in the southern part of Strait of Malacca and central Sumatra. Many areas in Kalimantan were still affected by widespread smoke haze and persistent land fires.

Updated 8:44 PM 15 Sep